BAGAIMANA ANDA BOLEH MELINDUNGI HAK KANAK-KANAK DI SEKTOR KELAPA SAWIT?

Poster ini dihasilkan oleh The Centre sebagai sebahagian daripada projek kerjasama yang dibiayai oleh Kementerian Persekutuan Jerman bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (BMZ) dan dilaksanakan oleh Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH serta Nestlé. Poster ini bertujuan membantu ahli komuniti, wakil syarikat dan pihak dalam rantaian bekalan memahami serta melindungi hak kanak-kanak.

Kanak-kanak dalam sektor minyak sawit di Malaysia dipengaruhi oleh keputusan perniagaan dan berdepan dengan risiko seperti pekerjaan kanak-kanak serta akses yang terhad kepada pendidikan. Tindakan dan amalan baik anda dapat membantu melindungi hak mereka serta membina masa depan yang lebih baik untuk komuniti kita di Sabah. Panduan di bawah adalah selaras dengan garis panduan RSPO dan MSPO.

1 Pengurusan Pekerja yang adil dan bertanggungjawab

- Bayar pekerja mengikut kadar gaji minimum yang sah*
- Pastikan gaji sama rata untuk kerja yang sama, tanpa mengira jantina atau umur.
- Pastikan cara bayaran gaji (seperti sistem ikut berat/tan) dan sasaran kerja tidak memaksa kanak-kanak terpaksa turun bekerja.
- Bayar harga yang adil kepada pembekal, menepati atau melebihi kadar kerajaan @ kontrak, dan berusaha menyediakan gaji sara hidup yang mencukupi.

2 Bantu keluarga memperoleh pendapatan yang mencukupi dan sokong komuniti setempat agar terus maju.

- Menyediakan dan menyokong peluang pembangunan kemahiran untuk belia berumur 15 hingga 17 tahun.
- Bantu keluarga mempelbagaikan sumber pendapatan melalui perniagaan kecil, penternakan atau kebun dapur.
- Menyokong aktiviti yang selamat dan menyeronokkan agar kanak-kanak dapat belajar, bermain dan berkembang.
- Bekerjasama dengan badan yang membantu melindungi kanak-kanak dan keluarga, seperti Child Rights Action Hub

3 Berikan sokongan kepada keluarga yang bekerja dalam operasi anda

- Lindungi pekerja hamil. Sediakan masa dan ruang yang sesuai untuk ibu menyusu menyusukan atau memerah susu di tempat kerja.
- Pastikan pusat jagaan kanak-kanak selamat, lengkap dan dikendalikan oleh pengasuh yang terlatih dalam perlindungan kanak-kanak serta pertolongan cemas.
- Menyediakan sokongan pendidikan, seperti elaun sekolah, serta pengangkutan yang selamat dan boleh dipercayai bagi kanak-kanak yang perlu menempuh perjalanan jauh.
- Berikan sokongan kewangan tambahan kepada isi rumah yang diketuai wanita dan pekerja migran wanita.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah bertujuan sebagai panduan umum sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai nasihat undang-undang. The Centre tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan ketepatan, penggunaan atau pergantungan terhadap mana-mana maklumat yang disediakan.

* *Sekretariat Majlis Perundingan Gaji Negara – Portal Rasmi Sekretariat Majlis Perundingan Gaji Negara*

Child Rights Action Hub Malaysia

german cooperation DEUTSCHE ZUSAMMENARBEIT

Implemented by giz Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH

THE CENTRE FOR CHILD RIGHTS AND BUSINESS